Guru menggunakan maklum balas penilaian formatif untuk membentuk tindakan pembedahan dan penambahbaikan segera dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil kerja murid disemak secara konstruktif dan konsisten.

8 Teknik Penyoalan

Guru mengemukakan soalan yang mudah difahami dan bertumpu meliputi pelbagai aras kognitif dalam taksonomi bloom dan disebar ke seluruh kelas. Guru memberi respons dan tindak balas yang sesuai kepada jawapan yang dikemukakan oleh pelajar. Soalan yang dikemukakan berjaya meningkatkan minat hampir keseluruhan murid untuk terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran. Soalan yang dikemukakan dapat mencetuskan pemikiran kreatif dan kritis pelajar.

9 Pengurusan Kelas

Guru memastikan kelas berada dalam keadaan kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Guru berjaya mengawal tingkahlaku murid dengan menegaskan pematuhan kepada peraturan serta memastikan murid memberi tumpuan terhadap pelajaran. Guru menegur salah laku murid (jika berlaku) dengan serta merta tanpa menjejaskan maruah mereka. Susun atur kedudukan murid sesuai dengan aktiviti yang dilaksanakan dan ruang kelas digunakan secara optimum untuk tujuan pembelajaran.

2.4 KEPERIBADIAN GURU



NAMA: CHE ARMI BINTI HUSAIN

JAWATAN: Guru Penolong (D 45765)

Guru atau pendidik merupakan penjawat awam yang terpenting dalam bidang pendidikan. Perkhidmatan seseorang guru amat penting bagi merealisasikan aspirasi negara. Guru memiliki ciri-ciri istimewa sama ada terbina secara semulajadi atau dilatih.

Cabaran abad ke-21 ini memerlukan guru-guru atau para pendidik memperlengkapkan diri dengan cabaran baru yang sedang dihadapi oleh pelajar yang amat rencam dan kompleks.

Guru pembimbing saya ketika saya menjalani Rancangan Orientasi Sekolah ialah Puan Che Armi Binti Husain yang merupakan guru mata pelajaran Ekonomi Asas bagi tingkatan 4 dan 5. Sepanjang saya mengenali Cikgu Che Armi selama sebulan, saya dapat mengenali perwatakan, kesungguhan, keyakinan diri, kreativiti serta keperihatinan beliau. Beliau merupakan seorang guru yang mudah didampingi oleh para pelajar. Sikapnya yang mesra dan baik menyebabkan saya berasa selesa untuk berurusan dengan beliau. Beliau memberi kerjasama yang baik sepanjang saya berada di sekolah ini.


Dalam aspek perancangan guru, beliau seorang berkeyakinan dan berkebolehan. Dalam pada masa yang sama boleh menguruskan masa dengan baik dan mengesan masalah pembelajaran pelajar sepanjang masa, merancang pelbagai alat dan bahan bantu mengajar serta pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar pelbagai kebolehan. Dalam proses pengajaran pula, beliau sentiasa cuba memperbaiki mutu pengajarannya dari masa ke semasa dan berjaya mengaitkan kepakaran sedia ada pelajar dengan tajuk perbincangan serta melibatkan pelajar secara aktif dalam P&P.

Beliau merupakan guru yang reflektif dan sentiasa meneroka secara mendalam dan berulang kali terhadap amalan dan tindakan untuk meningkatkan keberkesanan hasil pengajarannya di dalam bilik darjah. Disamping itu, beliau sentiasa memberi kata-kata semangat dan perangsang kepada pelajar pelajar. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cikgu Che Armi dan semua guru yang banyak

membantu saya sepanjang saya berada disekolah. Disamping itu, sedikit sebanyak membantu saya untuk menjadi seorang guru yang baik pada masa hadapan.

2.5 PENDIDIKAN ABAD KE-21

CIRI CIRI MURID YANG DIHARAPKAN HASIL PEMBELAJARAN ABAD KE-21



CIRI CIRI PENDIDIKAN ABAD KE-21 DISEKOLAH

Berdasarkan pemerhatian saya, pendidikan abad ke-21 masih baru disekolah ini, namun demikian, dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 ini terdapat cabaran cabaran yang perlu dihadapi oleh guru dan pemimpin sekolah. Antaranya ialah menyediakan pembelajaran yang menjurus ke arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), mengurus bilik darjah dan ruang pembelajaran yang lebih dinamik, dan bagaimana guru-guru menggunakan pelbagai sumber sokongan teknologi serta maklumat bagi melaksanakan PdP yang efektif dan berkualiti serta relevan dengan perkembangan semasa.

Pembelajaran kelas abad ke-21 memfokuskan tiga komponen utama iaitu pengetahuan teknologi, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan kandungan atau kurikulum. Penyampaian guru secara aktif, komunikatif dan kolaboratif sememangnya menjadi impian setiap pelajar pada arus perdana ini kerana rangkuman tiga komponen inilah yang merupakan faktor penentu peningkatan peratusan kehadiran pelajar di sekolah setiap hari.

Amalan pengajaran konvensional melalui 'chalk and talk' tidak relevan lagi. Murid-murid mudah merasa bosan apabila pengajaran sehalu oleh guru yang tidak memberikan peluang kepada murid untuk menyuarakan pendapat mereka. Melalui pemantauan saya, guru disekolah ini guru sudah mula mengubah cara pengajaran mereka ke arah yang lebih baik seiring dengan pembelajaran abad ke-21. Proses pengajaran menjadi lebih menarik dengan adanya komunikasi dua hala antara pelajar dengan guru.

Seterusnya, aktiviti kumpulan sewajarnya diamalkan setiap masa. Melalui aktiviti berkumpul dapat memberi peluang kepada pelajar untuk kolaboratif antara satu sama lain. Disamping itu, penggunaan pelbagai jenis bahan bantu mengajar yang bersumberkan internet amat disukai oleh murid. Namun demikian, penggunaan bahan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran masih lagi kurang kerana masalah kekurangan kemudahan teknologi di sekolah.

Selain itu, pengurusan bilik darjah amat penting untuk menarik minat pelajar untuk belajar. Suasana bilik darjah yang ceria membantu pelajar merasa seronok belajar di dalam bilik darjah. Susunan meja juga penting untuk mencapai ke arah pembelajaran abad ke-21. Susunan meja yang betul membolehkan pelajar berinteraksi dan melaksanakan kolaborasi bagi meningkatkan kemahiran berfikir walaupun jumlah murid yang ramai dan guru berperanan sebagai fasilitator di dalam bilik darjah.

2.6 REFLEKSI

Berdasarkan pemerhatian dan pemantauan yang telah saya buat sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran yang dibuat bagi kelas tingkatan 4 Sains Bitara bagi mata pelajaran ekonomi asas yang dikendalikan oleh cikgu Che Armi binti Husain telah memberi saya satu pengalaman yang baru dan berguna kepada saya. Melalui pemerhatian yang saya buat, saya telah belajar bagaimana untuk mengendalikan sesebuah kelas dengan baik dan berkesan.

Kepelbagaian sikap dan tingkah laku pelajar dalam sesebuah kelas memerlukan kesabaran yang tinggi dalam diri seorang guru untuk mengawal kelas secara berkesan, terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya dapat dijalankan dengan lancar. Cikgu Che Armi juga berkebolehan mengawal keadaan kelas dengan baik. Guru perlu memainkan peranan bagi memastikan suasana di dalam kelas terancang dan terkawal.

Sebelum memasuki kelas, guru perlu membuat persediaan awal. Perkara yang paling penting adalah guru perlu menyediakan Rancangan Pengajaran Harian sebelum memasuki kelas. Hal ini penting untuk memastikan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar. Selain itu, guru perlu mengetahui teknik dan kaedah pengajaran yang sesuai dan memastikan semua pelajar dapat mengikuti apa yang akan diajar. Bilangan pelajar yang ramai dan tingkah laku yang berbeza memerlukan guru membuat persediaan yang lebih awal dan memilih kaedah dan strategi yang terbaik untuk memastikan hasil pelajaran tercapai.

Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, guru harus pandai untuk menarik perhatian pelajar supaya mereka lebih fokus tentang apa yang hendak disampaikan. Guru memerlukan kemahiran kemahiran yang khusus supaya bagi memastikan apa yang disampaikan difahami dan mencapai hasil pembelajaran. Semasa dalam kelas, guru perlu tahu bagaimana untuk menyelesaikan sebarang masalah yang berlaku. Seorang guru harus memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar pelajar. Selain itu, guru perlu mendisiplinkan diri dan menjalankan tugas dengan bersungguh sungguh dan bertanggungjawab.

Semasa saya membuat pemantauan di dalam kelas, semua pelajar fokus dan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada pengajaran guru. Cikgu Che Armi dapat mengawal pelajar dengan baik sekali. Sebagai contoh, Cikgu Che Armi sentiasa mengemukakan soalan kepada pelajar supaya pelajar lebih bersedia dan fokus semasa proses pembelajaran. Kebanyakan soalan dituju kepada pelajar yang kurang aktif di dalam kelas. Secara langsung dapat meningkatkan penglibatan dalam kalangan pelajar di dalam kelas. Namun, ada sesetengah soalan ditujukan secara umum dan ini tidak sesuai kerana boleh mengganggu kelas kerana pelajar menjawab secara ramai-ramai dan bising.


Di samping itu, cikgu juga perlu mengambil kira faktor perbezaan individu. Ada sesetengah pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran secara langsung dan memerlukan pengajaran khusus ataupun memerlukan masa yang lama sedikit daripada rakan-rakannya yang lain. Oleh sebab itu, guru memerlukan inisiatif lain untuk memastikan semua pelajar mendapat ilmu yang sama rata. Sebagai contoh guru boleh mengulangi apa yang sudah diajar sekiranya ada pelajar yang tidak dapat faham tentang pengajarannya.

Tambahan pula, masa merupakan perkara yang sangat penting bagi tempoh pengajaran. Semua topik pengajaran harus disampaikan pada masa yang telah ditetapkan. Ketepatan masa sangat penting kepada guru yang mengajar kerana ia boleh mengambil masa guru lain sekiranya tidak dirancang dengan baik. Selain itu, perancangan masa haruslah dilakukan sebaik mungkin untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar serta aktiviti pengajaran dapat dilaksanakan semuanya. Sebagai contoh, semasa saya membuat pemantauan, cikgu mengambil masa guru lain yang seterusnya selama lima minit untuk menghabiskan topik pengajaran.

KOMPONEN 3.0
PENGURUSAN &
PENTADBIRAN
PANITIA

3.1 STRUKTUR ORGANISASI PANITIA KEMAHIRAN TEKNIKAL

Di sekolah SMK Bukit Jawa, beberapa mata pelajaran elektif seperti Ekonomi Asas, Prinsip Perakaunan, Ekonomi Rumah Tangga dan Mata Pelajaran Vokasional digabungkan dibawah satu panitia iaitu Panitia Kemahiran Teknikal.



3.2 PERANAN DAN OBJEKTIF PANITIA

PERANAN

Membantu pengetua merancang, mengelola dan melaksanakan program kecermerlangan khusus kepada mata pelajaran berkaitan di sekolah dan menggalakkan guru-guru mata pelajaran memperbaiki atau membina kompetensi, sikap, kepimpinan, pengetahuan, kemahiran dan sahsiah dalam pengurusan kurikulum.

OBJEKTIF

Kurikulum Ekonomi Asas adalah untuk membolehkan murid mencapai beberapa objektif berikut, antaranya memahami konsep dan prinsip asas ekonomi dan menghubungkan konsep dan prinsip asas ekonomi dengan kehidupan seharian. Selain itu, mengenal pasti dan prihatin terhadap masalah dan isu ekonomi semasa. Seterusnya pelajar dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari supaya dapat berperanan sebagai pengguna, pengeluar, ahli masyarakat dan warganegara yang bijak, rasional dan bertanggungjawab. Di samping itu, mengamalkan dan menghayati nilai-nilai sosial dan ekonomi serta membuat keputusan dengan bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Akhir sekali memupuk dan mengembangkan potensi, minat serta sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi.

3.3 PERANAN/ TUGAS KETUA GURU PANITIA

- Mengetuai panitia mata pelajaran serta menganggotai Jawatankuasa Kurikulum Sekolah
- Merancang dengan kerjasama semua ahli panitia segala aktiviti untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran berkaitan termasuk pencerapan P&P
- Menentukan penggunaan Sukatan Pelajaran yang betul dan sentiasa mengetahui perubahan yang berlaku
- Mengkaji dan menganalisa keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran berkaitan dan memikirkan cara-cara untuk memajukan pencapaian dari semasa ke semasa
- Bertanggungjawab tentang rancangan pelajaran bagi semua tingkatan serta memberi perhatian berat tentang rancangan kerja pelajar-pelajar
- Mengadakan mesyuarat panitia (formal) sekurang-kurangnya sekali sepenggal atau lebih,

3.4 PERANAN/ TUGAS GURU GURU PANITIA

- menentukan penggunaan sukatan pelajaran yang dikemaskini
- menentukan penggunaan bahan bantu mengajar dan kaedah pengajaran yang bersesuaian
- bertanggungjawab menyediakan rancangan pengajaran harian
- menelaraskan penyediaan soalan-soalan peperiksaan dalaman dan kertas-kertas jawapan
- menganalisa keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran dan mengkaji serta mencari jalan untuk memajukan taraf pencapaian pelajar dari masa ke semasa
- mengadakan tindak balas terhadap kepada setiap perubahan baru yang diperlukan seperti sukatan pelajaran baru, pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran baru.
- bersama sama meningkatkan dan mengekalkan prestasi pelajar
- melaksanakan peraturan peraturan panitia
- mengadakan mesyuarat panel sekurang-kurangnya sekali sepenggal.
- menjalankan arahan yang diberikan dari masa ke semasa.

3.5 MESYUARAT PANITIA

Mesyuarat panitia diadakan sebanyak 4 kali setahun. Mesyuarat yang pertama dilakukan pada bulan Januari 2016. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh ketua panitia induk dan semua guru panitia mata pelajaran berkenaan. Antara isu yang telah dibincangkan ialah pengagihan tugas panitia, perancangan dan program panitia pada tahun 2016, dan lain lain. Selain itu, perbincangan lebih lanjut diadakan untuk menangani masalah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, program peningkatan akademik, dan hal-hal lain. Agenda mesyuarat akan ditentukan oleh sekolah dan ketua panitia. Seminggu selepas mesyuarat, ketua panitia akan menyiapkan minit mesyuarat dan akan disimpan di dalam fail panitia.

(Sila Rujuk Minit Mesyuarat Pertama Pada Lampiran 2)

3.6 PERANCANGAN STRATEGIK PANITIA

Terdapat pelbagai program dan aktiviti yang dirancang oleh panitia Ekonomi Asas bagi meningkatkan pencapaian dan kecemerlangan dalam kalangan pelajar. Antaranya ialah program In House Training dimana

semua guru yang berkhusus diluar perlu membuat house training kepada guru yang berada di sekolah. Selain itu, Bengkel/ p&p berpusat (program pemulihan). Bengkel ini adalah memberi tumpuan kepada pelajar lemah. Selain itu, Kelas Tambahan juga diadakan bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Kelas tambahan ini diadakan selepas waktu persekolahan, cuti hujung minggu dan juga cuti penggal persekolahan. Disamping itu, Klinik Ekonomi Asas juga telah dirancang oleh panitia Ekonomi Asas bagi meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar SPM.

(Sila rujuk perancangan aktiviti panitia pada Lampiran 3)

3.7 PENYELIAAN / PENCERAPAN

Penyeliaan dan pencerapan bagi mata pelajaran Ekonomi Asas diadakan dua kali setahun. Pencerapan dilakukan oleh Penolong Kanan Hal Ehwa Murid (Pk. HEM) En. Kamaruddin bin Hassan. Guru guru dinilai melalui aspek-aspek penyampaian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Guru-guru juga diminta mengisi borang pemantauan pengajaran dan pembelajaran. Melalui pemantauan ini, guru dapat mempertingkatkan dan memperbaiki mutu pengajarannya. Pencerapan dilakukan terhadap P&P yang dijalankan di dalam kelas.

(Sila Rujuk Contoh Instrumen Pencerapan Pembelajaran dan Pengajaran Pada Lampiran 4)

3.8 PEPERIKSAAN/ UJIAN

Dalam sistem peperiksaan SMK Bukit Jawa, peperiksaan akan dijalankan empat kali setahun iaitu peperiksaan awal tahun, peperiksaan pertengahan tahun, peperiksaan percubaan dan peperiksaan akhir tahun. Peperiksaan yang dijalankan di sekolah bertujuan untuk menguji pengetahuan calon tentang keseluruhan isi kandungan sukatan pelajaran yang meliputi kebolehan-kebolehan memahami, mentafsir maklumat, mengaplikasi dan membuat penilaian tentang ekonomi asas. Selain itu, peperiksaan bertujuan menguji kemahiran calon-calon yang merangkumi pemahaman terhadap konsep- konsep prinsip-prinsip dan sebagainya bagi mata pelajaran ekonomi asas.

Senarai Penyediaan Soalan Peperiksaan Tahun 2016

BIL	PEPERIKSAAN	TING.	MPV	ERT	EKONO MI ASAS	PRINSIP PERAKAUNAN
1	Ujian Awal	4&5	En. Mohd	Pn. Wan	Pn. Che	Pn. Zubaidah bt

	Tahun Mac 2016		Helmi B. Ismail	Kasmawati bt Wan Omar	Armi bt Husain	Hassan
2	Peperiksaan Pertengahan Tahun Mei 2016	4&5	En. Mohd Helmi B. Ismail	Pn. Wan Kasmawati bt Wan Omar	Pn. Che Armi bt Husain	Pn. Zubaidah bt Hassan
3	Peperiksaan Percubaan	5	En. Mohd Helmi B. Ismail	Pn. Wan Kasmawati bt Wan Omar	Pn. Che Armi bt Husain	Pn. Zubaidah bt Hassan
4	Peperiksaan Akhir Tahun 2016	4	En. Mohd Helmi B. Ismail	Pn. Wan Kasmawati bt Wan Omar	Pn. Che Armi bt Husain	Pn. Zubaidah bt Hassan

TINGKATAN 4

TINGKATAN	EKONOMI ASAS	PRINSIP PERAKAUNAN	EKONOMI RUMAHTANGGA	MPV
PKBS 1	Pn. Che Armi bt Husain	Pn. Zubaidah bt Hassan	Kasmawati bt Wan Omar	En. Mohd Helmi B. Ismail
PKBS 2	Pn. Che Armi bt Husain	Pn. Zubaidah bt Hassan	Kasmawati bt Wan Omar	En. Mohd Helmi B. Ismail
PKBS3	Pn. Che Armi bt Husain	Pn. Zubaidah bt Hassan	Kasmawati bt Wan Omar	En. Mohd Helmi B. Ismail


TINGKATAN 5

TINGKATAN	EKONOMI ASAS	PRINSIP PERAKAUNAN	EKONOMI RUMAHTANGGA	MPV
PKBS 1	Pn. Che Armi bt Husain	Pn. Zubaidah bt Hassan	Kasmawati bt Wan Omar	En. Mohd Helmi B. Ismail
PKBS 2	Pn. Che Armi bt Husain	Pn. Zubaidah bt Hassan	Kasmawati bt Wan Omar	En. Mohd Helmi B. Ismail
PEPERIKSAAN PERCUBAAN	Pn. Che Armi bt Husain	Pn. Zubaidah bt Hassan	Kasmawati bt Wan Omar	En. Mohd Helmi B. Ismail

(Sila Rujuk Contoh Kertas Soalan Ekonomi Asas Spm 2016 Pada Lampiran 5)

3.9 PERALATAN DAN KEMUDAHAN PANITIA

Guru panitia diberikan kebebasan untuk menggunakan semua kemudahan yang ada di sekolah seperti pusat sumber sekolah, makmal komputer, dewan dan sebagainya melalui pengawasan pihak sekolah. Selain itu, pelbagai kemudahan dan peralatan disediakan antaranya seperti bahan pencetakan, bahan bantu mengajar (BBM), buku rujukan yang berkaitan dan buku-buku lain bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.



3.10 SISTEM FAIL PANITIA

Sistem fail panitia Ekonomi Asas disediakan untuk menyimpan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan panitia. Semua maklumat disusun mengikut turutan dan diletakkan dalam satu fail. Antara komponen yang terdapat dalam fail panitia Ekonomi Asas ialah maklumat am dan jadual waktu. Selain itu, terdapat juga minit mesyuarat dan head count mata pelajaran yang diletakkan dalam fail panitia. Di samping itu, fail panitia ini juga mengandungi senarai program-program peningkatan, peperiksaan dan bahan bantu mengajar. Fail panitia disediakan adalah untuk memudahkan guru guru untuk mencari maklumat yang diperlukan berkaitan dengan panitia.

3.11 STOK DAN INVENTORI PANITIA

Stok serta inventori disediakan semasa awal tahun sebelum proses p&p berlaku. Kesemua peralatan, kemudahan, stok dan inventori yang di perlukan akan di bincang terlebih dahulu di dalam mesyuarat panitia pada setiap awal tahun persekolahan. Bagi panitia kemahiran teknikal, stok dan inventori dibeli dalam kuantiti yang besar untuk kesemua panitia mata pelajaran dibawahnya. Antara stok dan inventori adalah seperti kertas mahjong, kertas graf, kertas A4, buku latihan, buku rujukan, buku kerja, pen dan marker, dan lain- lain.



3.12 PRESTASI PANITIA

Berdasarkan kepada analisis keputusan peperiksaan ujian 1 & ujian pertengahan tahun bagi mata pelajaran Ekonomi Asas, terdapat peningkatan dalam peratusan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Pada ujian 1, peratus keseluruhan pelajar yang lulus ialah sebanyak 30.77 % dan ianya meningkat pada ujian pertengahan tahun iaitu sebanyak 38.46 % menjadi 69.23%. Selain itu, terdapat penurunan dalam peratusan gagal pelajar yang mengambil mata pelajaran ini. Pada ujian 1, peratus keseluruhan pelajar yang gagal ialah sebanyak 65.38% dan ianya menurun pada ujian pertengahan tahun iaitu sebanyak 34.61 % menjadi 30.77 %. Secara keseluruhan, berdasarkan keputusan ujian 1 dan ujian pertengahan tahun yang dibuat, berlaku peningkatan dalam pencapaian pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa prestasi panitia bagi mata pelajaran ini semakin meningkat dari masa ke semasa. Berikut merupakan analisa pencapaian pelajar mengikut gred pada ujian 1 dan dan ujian pertengahan tahun:

UJIAN/GRED	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E	G	Bil.
UJIAN 1	0	0	2	0	1	4	1	4	3	10	25
PERTENGAHAN TAHUN	0	0	3	1	6	2	6	3	4	1	26


(Sila Rujuk Keputusan Ujian 1 Dan Ujian Pertengahan Tahun Pada Lampiran 6)

KOMPONEN 4.0


KO-

KURIKULUM

4.1 CARTA ORGANISASI MAJLIS KOKURIKULUM



3.2 CARTA ORGANISASI KO- KURIKULUM PRA U



4.3 UNIT SUKAN**Jawatankuasa sukan**

Setiausaha	En Nik Mohd Zaki Bin Awang
Pen Setiausaha	En Abdul Rahim Bin Mohd Noor En Razlan Nin Rasdi
Ahli Ahli	En Azmi Daud En Mat Zaki Bin Ali Pn Roslina Bt Mat Salleh En Md Najman Bin Mohamed Pn Azmah Bt Ismail Pn Che Armi Bt Hussin
Pengerusi Teknik	En Azmi Daud En Hoe Yong Hua
Setiausaha Teknik	En Wan Mphd Azwari Bin Wan Ismail

SENARAI RUMAH SUKAN SEKOLAH

1. Rumah Sukan Nilam

Penasihat Pn Norhashimah Bt Mat Nor

Guru Lelaki En Ahmad Helmi Bin M. Nor (K)
En Mohd Asri Bin Yusoff (TK)
En Zamri Azuha Bin Hamat

G. Perempuan Pn Hasni Jusoh (K)

Pn W. Haslinna Azmah W Hassan (TK)

Pn Norhayati Mat Jusoh

2. Rumah sukan baiduri

Penasihat En Mohd Zohan Sapii

Guru Lelaki En Johan Aniq Haron (K)
En Abdul Azib Ali Seman (TK)
En Ma'aruf B Jusoh

G. Perempuan Pn W Zainun W Sulaiman (K)
 Pn Nur Azzyati Bt Ab Aziz (TK)
 Pn Hasnira Bt Mat Jusoh

3. Rumah sukan fairuz

Penasihat Pn Che Wook Bt Jusoh

Guru Lelaki En Nor Azmi Bin Muhd Nor (K)
 En Hazban Bin Hussin (TK)
 En Mohd Zainuddin Junoh

G. Perempuan Pn Rosnida Bt Yusoff (K)
 Pn Chua Kian Siek (TK)
 Pn Hazlina Bt Mat Sidi

4. Rumah sukan mutiara

Penasihat En Kamaruddin Bin Hassan

Guru Lelaki En Mohd Nasir Bin Othman (K)
 En Solahuddin Abd Majid (TK)
 En Ab Alim Abdul Rahim

G. Perempuan Pn A'zini Bt Mat Hassan (K)
 Pn Noriah Bt Makhtar (TK)
 Pn Nik Mariam Bt Omar

5. Rumah sukan delima

Penasihat En Che Nordin Bin Mohammad

Guru Lelaki En Mohd Razi B Ismail (K)
 En Mat Zaki Bin Ali (TK)
 En Zulkifly Bin Osman

G. Perempuan Pn Zakiah Bt Ariffin (K)
 Pn Che Esah Che Mahmud (TK)
 Pn Aminah Bt Yaacob

4.4 PERMAINAN**SENARAI PERMAINAN**

Bil	Permainan	Jurulatih/Pengurus
1	Bola sepak	En Azmi Daud En Mohd Nawawi Bin Osman
2	Hoki	En Nik Mohd Zaki Bin Awang En Abd Rahim Bin Mohd Nor
3	Bola tampar	En Hoe Yong Hua En Nik Mohd Zaki Bin Awang
4	Bola jaring	Pn Wan Zainun Bt Wan Sulaiman Pn Norhayati Bt Mat Jusoh Pn Zakiah Bt Ariffin
5	Sepak takraw	En Mat Zaki Bin Ali Ym Raja Abd Aziz Raja Yusuf
6	Badminton	En Wan Mohd Azwari W Ismail En Ab Rahim Bin Mohd Noor
7	Olahraga	En Abdul Rahim Mohd Noor En Hazeli Bin Abas
8	Pentaque	En Hazban Bin Hussin En Solahudin Bin Abd Majid
10	Catur	En Rob@ Ma'aruf Jusoh Pn Azmah Bt Ismail
11	Tenis	En Juzaidi Bin Mohamad Pn Suriana Bt Shafie Pn Che Armi Bt Hassin
12	Bola baling	En Mohd Helmi Bin Ismail En Nor Azmi Bin Muhamad Nor
13	Senamrobik	Pn Roslina Pn Zubaidah Bt Hasan

4.5 UNIT BERUNIFORM**SENARAI UNIT BERUNIFORM**

Bil	Unit Beruniform	Jurulatih / Pengurus
1	Pasukan Kadet Bersatu Malaysia/ PKBM	En Johan Aniq Bin Haron Pn Azmah Ismail
2	Kadet Polis	En Anuar Bin Bedol Pn Rosmawati Bti Ramly
3	Kadet Bomba	En Abdul Azib B Ali Seman Pn Norhayati Jaafar
4	Kadet Remaja Sekolah	En Mat Zaki Bin Ali Pn Chua Kian Siek
5	Pasukan Bulan Sabit Malaysia /PBSM	En Hoe Yong Hua Pn Wan Haslina Azmah W Hassan
6	Pengakap	En Zamri Azuha Hamat Pn Noriah Makhtar
7	Kadet JPA3	En Ramly Bin Muhammad Pn Alawiah Bt Ariffin
8	Renjer Puteri	Pn Nur Azzyati Pn Normaizani
9	Pandu Puteri	Pn Che Esah Che Mahmod Pn Hazlina Bt Mat Sidi
10	Puteri Islam	Pn Roshahibah Bt Husin Pn Rosnida Bt Yusoff
11	Silat Terlak Empat	En Mohd Rasadi Bin Muamad
12	Taekwando	Pn Sakinah Bt Ab Latif

4.6 KELAB DAN PERSATUAN**SENARAI PERSATUAN**

Bil	Persatuan	Guru penasihat
1	Agama islam dan Bahasa arab	Pn norhasni bi jusoh Pn ruhana bt idris
2	Bahasa inggeris	Pn suriana bt shafie Pn wan haslina azmah bt wan hassa
3	Bahasa melayu	En muhamad zamri bin yaacob Pn aid ant Mohamad
4	Matematik	Pn aminah bt yaakob En hazban bin hussin
5	Sians	Pn wan rosnani bt omar Pn hawaria bt hadi
6	Sejarah	Pn che esah bt che mahmod Pn roslina bt mat salleh
7	Seni lukis	Pn zakiah bt ariffin En abdul Rahim bin mohd noor
8	Geografi	Pn nik Mariam bt omar En ismail bin Abdullah
9	Kemahiran hidup	Pn sakinah bt latif Pn noriah bt makhtar

SENARAI KELAB

Bil	Kelab	Guru Penasihat
1	SPBT	En Nor Azmi Bin Muhammad Nor Pn Azini Bt Mat Hassan
2	Filatelli	En Zamri Azuha Bin Hamat Pn Fadhilah Bt Abdullah
3	Fotorafi	En Mohd Nasir Bin Othman Pn Normaizani Bt Mustapa
4	Kauseling	Pn Hasnira Bt Mat Jusoh En Mohamad Zainuddin Bin Junoh
5	Rekreasi Dan Pencinta Alam	En Mohd Hussin Bin Jaafar Pn Tee Bee Yong
6	Taranum Dan Tajwiq Al Quran	En Mohd Asri Bin Yusoff Eb Solahuddin Bin Abd Majid
7	Komputer	En Azmi Daud Pn Kasuma Bt Akil
8	Pelaburan Bijak	Pn Zubaidah Bt Hassan Pn Mek@ Wan Asiah W Ibrahim
9	Rekacipta	En Mohd Razi Bin Ismail Pn Rohana Bt Abdullah
10	Koperasi Dan Pengguna	Pn Wan Norizah Bt Mat Daud Pn Samihah Bt Mohamad

11	Setia	Pn Rohani Bt Ismail Pn Norizan Bt Mohd Mahayidin
12	Pelancongan	Pn Wan Rohani Bt Wan Yahya Pn Wan Rahimah Bt Wan Musa
13	Rukun Negara	Pn Nur Azzyati Bt Ab Aziz En Razlan Bin Rasdi

4.7 PENCAPAIAN KO-KURIKULUM

BIL	ACARA	DAERAH			NEGERI			KEBANGSAAN		
1	MERENTAS		KE 2	NURFATIN AMY NATASYA			NURFATIN AMY NATASYA			
	DESA		KE5	MOHD HAZIM B RAZALI			MOHD HAZIM B RAZALI			
2	BOLA TAMPAR	P18	KE3		P18		SYAZA ALIA BT AHMAD TARMIZI			
							TUAN INTAN SURAYA			
							FAEZAH BT MOHAMAD			
		L18	KE 3							
3	BOLA SEPAK	L15					FAKARUDIN MOHAMAD			AHMAD SYAHIR
							MOHD ZAIM JOHARI			
							MOHD SYAFIQ B ZAIDI			
							CHE IZHANUDDIN			
		L18	JOHAN			N. JOHAN	MOHD ZULHILMI B MOHD ZIN			
							TUAN MOHD AIDIL			
							MOHD AZIZUL B CHE DAUD			
							AZAMEE BIN SULAIMAN			
							ISYRAF KAMARUDDIN			
							MOHD SHAHIDAN HAKIMI			
							MOHD FIRDAUS ROSLAN			
							AHMAD SYAHIR			
							MOHD NAZRI IZWAN ZAINOR			
							ASYRAF ARIFIN			
							TUAN MOHD SHAHRUL NIZAM			
							MOHD ARIF B HALIM			
4	OLAHRAGA		KE 4	4-EMAS						
				5-PERAK	L18	PERAK	WAN MOHD ZULFADLI B WAN ZAHARI			
				6-GANGSA		KE4	MOHAMAD ZULHILMI B. MAT			

							ZIN		
5	HOKI	L18	KE 3			S. AKHIR	TUAN SYAHRUL NIZAM B TUAN MAT		
6	TENIS	P18			P15	P. AWAL	FARAHIM BT KAMARUDDIN NORHIDAYAH SABRINA FITIHAN BT MOHD NOR		
					L 15		MOHD SHARIF B ZULKIFLI		
					P18				
					L18		SAIFUL IZHAM B MAT		
7	BOLA BALING	P18	P.AWAL						
		L18	NAIB JOHAN		L18	KE 3	MOHD SYAFIQ B ZAIDI		MOHD SYAFIQ B. ZAIDI
							WAN MOHD ZULFADLI B WAN ZAHARI		
							CHE IZHANUDDIN B CHE ZULKIFLI		
							MOHD HAIKAL AFIFY B MAUHUSSIN		
8	BADMINTON	P15	P.AWAL						
		L15	P. KEDUA						
		L18	SUKU AKHIR						
9	CATUR				15 L		NORIZRAN HAFIFI B NORDIN		
							TUAN NORAZMI B TUAN MOHD		
							MOHD AMIRUL NASAEI B M. ZAMZURI		
							NIK KAMARUL SALAM B NIK MAHMUD		
					P15		NATASYA NABILA BT RAMDAN		
					L18	KE 4	MOHD NASARUDDIN B POK MUDA		
							MOHD EZUAN B ISMAIL		
					P18		NUR AINA NAJWA BT ZAINAL		

10	BOLA JARING	P15	P.AWAL							
		P18	P.AWAL							
11	TAKRAW	L15	P.AWAL							
		L18	P.AWAL							
12	PETANQUE									
13	PANTUN									